

02/07/1998

Anwar nafi gabenor berhenti

KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini menolak khabar angin kononnya Gabenor Bank Negara, Tan Sri Ahmad Mohd Don, akan meletakkan jawatannya.

Mengulas mengenai khabar angin itu dalam sidang akhbar bagi mengumumkan penubuhan Dana Pembangunan Prasarana (DPP) di sini, Timbalan Perdana Menteri berkata; "Ini adalah khabar angin ke-13 (mengenainya) setakat ini. Kenapa kita perlu layan khabar angin sebegini."

Kepada soalan lain, Anwar yang juga Menteri Kewangan menjelaskan, Bank Negara akan terus berperanan menentukan dasar kewangan Malaysia dan kerana itu, sebarang keputusan berhubung kadar faedah, akan terus ditentukan oleh bank pusat itu.

Kekeliruan berhubung kadar faedah timbul berikutan pelantikan Tun Daim Zainuddin sebagai Menteri Tugas-Tugas Khas minggu lalu serta langkah Bank Negara mengurangkan Keperluan Rizab Berkanun (SRR) untuk meningkatkan kecairan dalam ekonomi.

Daim sebelum itu berkongsi pandangan dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa kadar faedah perlu direndahkan bagi membolehkan syarikat tempatan mengharungi kegawatan ekonomi semasa.

Anwar menegaskan, Akta Bank dan Institusi Kewangan jelas memperuntukkan keputusan mengenai kadar faedah adalah dalam tanggungjawab Bank Negara.

Sambil menyatakan Kabinet dan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) kerap membincangkan secara mendalam isu berhubung kadar faedah, beliau berkata:

"Saya tidak fikir ia sensitif. Sesiapa boleh menyatakan pandangan. Ia harus dibuka kepada pelbagai panda-ngan."

Mengenai Pengurusan Danaharta Nasional Bhd (Danaharta), Anwar menjelaskan draf undang-undang itu sudah dibincangkan oleh Perbendaharaan, wakil Jabatan Peguam Negara, Jabatan Pemegang Harta, Pejabat Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan, Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti dan Pejabat Pendaftaran Syarikat dengan pengurusan Danaharta.

(END)